

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail
[Permatang Pauh]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2015 (RABU)

SOALAN :

Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan laporan mengenai kedudukan maruah Melayu yang dikatakan tercabar. Nyatakan perangkaan kedudukan tanah-tanah rizab Melayu yang ditukar status, nisbah bilangan kakitangan awam Melayu dan ekulti ekonomi Melayu yang berpindah milik.

JAWAPAN : YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat pada tahun 2011 hanyalah sebanyak RM211.5 bilion atau 23.5 peratus. Ia adalah lebih rendah berbanding sasaran asal yang ingin dicapai, iaitu 30 peratus ekuiti Bumiputera.

Bagi penjawat awam pula, jumlah keseluruhan penjawat awam (Tahun 2014) adalah sebanyak 1.6 juta. Walaupun nisbah Bumiputera berbanding bukan Bumiputera adalah lebih tinggi, namun di sektor-sektor swasta terutama dalam bidang-bidang profesional serta di peringkat pembuat keputusan, kaum Melayu adalah masih rendah.

Berkaitan tentang kedudukan maruah Melayu yang dikatakan tercabar, sememangnya terdapat kebimbangan tentang kemampuan pemilikan tanah dan rumah oleh orang Melayu. Kerisauan ini ada asasnya, tatkala kita melihat contoh-contoh seperti yang berlaku di Pulau Pinang dan Selangor, di mana, tanah-tanah untuk kediaman atau projek-projek perumahan yang dijual oleh pemaju adalah terlalu tinggi dan tidak mampu untuk dibeli oleh orang Melayu, terutamanya mereka yang datang dari golongan berpendapatan rendah (golongan B40). Ini secara tidak langsung akan menyebabkan pemilikan aset hartanah oleh orang Melayu semakin rendah dan berkurangan.

Sekian, terima kasih.